



MPOB Anjur Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil 2008



Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia menyampaikan ucapan perasmian Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2008 di Dewan Sawit, MPOB pada 11 November 2008.

KANDUNGAN

□ MPOB Anjur Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2008	1
□ Dari Meja Ketua Penyunting	2
□ Kuiz Sawit	3
□ Sudut Teknologi - Kaedah Pembajaan Berkesan di Tanah Gambut	4
□ Kenalilah... Baja MPOB F3	7
□ Sudut Kreatif Sawit	8
□ Sembang Sawit	8
□ Sedutan Akhbar	9
□ Tahukah Anda?	11
□ Diari & Peristiwa	12
□ Profil Komoditi	13
□ Berita Bergambar	14
□ Peladang Jaya	16
□ Direktori MPOB	19
□ Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC)	22



Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2008 telah berlangsung pada 11-12 November 2008 di Dewan Sawit, Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor. Persidangan kali ini yang bertemakan 'Amalan Pertanian Baik - Budaya Kita' telah berjaya menarik kehadiran seramai 552 orang peserta yang terdiri daripada pekebun kecil, para pegawai agensi pengembangan, ahli akademik dan sektor ladang. Di samping itu, pembekal input pertanian juga terlibat dalam menjayakan pameran semasa berlangsungnya persidangan tersebut.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia. Dalam ucapan perasmianya, beliau menggesa pekebun kecil membudayakan amalan pertanian baik dan teknologi terkini dalam pengurusan tanaman sawit supaya dapat memberi impak kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan selaras dengan tema persidangan tahun ini 'Amalan Pertanian Baik-Budaya Kita'. Tema ini amat bertepatan dengan matlamat kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian moden yang produktif, berdaya saing dan menjana pendapatan tinggi. Amalan pertanian baik melibatkan pengurusan ladang yang berpandukan kepada piawaian kualiti yang ditetapkan bagi menjamin kesejahteraan tanaman dan produktiviti tinggi. Ini seterusnya akan menjamin pulangan pendapatan yang lumayan dan peningkatan taraf sosial ekonomi pekebun kecil.

bersambung ke muka surat 2



Sidang Pengarang

PENASIHAT
Dato' Dr Mohd Basri bin Wahid

PENGERUSI
Dr Salmiah bt Ahmad

TIMBALAN PENERUSI
Hj Idris bin Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Wahid bin Omar

PENYUNTING
Dr Norman bin Kamarudin
Dr Ahmad Tarmizi bin Hashim
Hj Esnan bin Ab Ghani
Ab Aziz bin Md Yusof
Che Johari bin Mamat
Hj Mohd Azmi bin K Ismail
Mazlan bin Mustaffa
Noor Asmawati bt Abdul Samad

SETIAUSAHA
Nur Hanani bt Mansor

sambungan dari muka surat 1

Beliau turut menyentuh berkaitan penurunan harga komoditi minyak sawit pada masa ini di mana sebelum ini (Mac 2008) pernah mencatat harga tertinggi RM 4200 setan dan menurun kepada RM 1700 setan sekarang. Penurunan harga ini berpunca dari sentimen pembeli yang melihat stok minyak sawit yang tinggi pada masa ini. Bagi mengurangkan stok ini kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM 200 juta bagi melaksanakan Skim Insentif Tanaman Semula Sawit (SITS). Insentif sebanyak RM 1000/ha akan diberikan kepada penanam yang menanam semula pokok tua melebihi 25 tahun. Melalui SITS ini, kerajaan mensasarkan seluas 200 000 ha kebun untuk ditanam semula.

Di samping SITS, kerajaan juga akan membakar minyak sawit dengan mengadun sebanyak 5% ke dalam minyak diesel. Pelaksanaannya akan dibuat secara berperingkat melibatkan kenderaan kerajaan mulai Februari 2009 seterusnya di seluruh negara pada 2010. Dianggarkan sebanyak 500 000 tan minyak sawit akan dibakar dalam setahun.

bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Setiap dua tahun sekali Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit. Tujuan utama persidangan ini ialah untuk menyampaikan teknologi terkini tanaman sawit kepada penanam sawit terutamanya pekebun kecil. Persidangan ini juga memberi peluang kepada penanam sawit berbincang sesama mereka dan bertukar-tukar pendapat bagi memajukan usaha tanaman sawit mereka. Pada tahun ini, Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit diadakan di ibu pejabat MPOB, Bangi, Selangor dengan tema 'Amalan Pertanian Baik – Budaya Kita'. Pemilihan tema ini mengajak penanam sawit membudayakan amalan pertanian baik dalam usaha mereka memajukan tanaman sawit. Ia tepat pada masanya di mana perusahaan sawit dikaitkan dengan penusnahan alam sekitar dan menghadapi krisis kejatuhan harga minyak sawit serta peningkatan harga input pertanian. Amalan pertanian baik ini akan dapat menjamin kualiti dan keselamatan produk sawit di samping memulihara alam sekitar serta meningkatkan pendapatan penanam sawit.

Untuk meningkatkan hasil tanaman sawit, ia perlu dibaja secukupnya. Peningkatan harga seperti baja pada masa ini telah mendatangkan masalah kepada penanam sawit untuk membaja tanaman mereka. Dalam keadaan sekarang, di mana harga sawit jatuh dan harga baja meningkat, pengurusan pembajaan perlu ditekankan kepada meningkatkan keberkesanan pembajaan melalui pengambilan baja oleh tanaman, mengurangkan pembaziran dan kehilangan baja melalui pemeruapan, larut lesap, larian permukaan dan sebagainya.

Untuk meningkatkan keberkesanan pembajaan sawit, penanam sawit perlu mengamalkan amalan pertanian baik dalam mengurus tanaman mereka. Tanaman sawit perlu ditanam di tanah yang sesuai menggunakan benih sawit yang tulen dan berkualiti untuk mendapatkan kesan yang optimum daripada pembajaan yang dilakukan. Gunakan syor pembajaan sawit daripada sumber yang sah (MPOB dan industri) dan/atau pegawai berwajib (pegawai TUNAS, pertanian dan penyelidik) bagi menentukan pembajaan yang dilakukan mengikut keperluan tanaman dan mencukupi. Kandungan air tanah mempengaruhi kesediaan dan pengambilan nutrien oleh tanaman, amalan pemuliharaan tanah (contohnya teres, sungkupan, lubang lodak dan parit kontur) meningkatkan kandungan air tanah serta mengurangkan hakisan tanah, larian air permukaan dan kehilangan baja. Terdapat banyak bahan buangan daripada tanaman sawit seperti batang, pelepah, tandan kosong, enap cemar kilang minyak sawit dan lain-lain lagi yang boleh dikitar semula di ladang sawit sebagai sungkupan dan sumber nutrien (contohnya kompos dan baja organik). Pengitaran semula bahan buangan sawit ini akan dapat mengurangkan penggunaan baja dan kos pembajaan di samping memulihara kesuburan tanah dan alam sekitar.

Harga minyak sawit dipengaruhi oleh situasi ekonomi dunia, harga petroleum dan pengeluaran serta harga minyak tanaman yang lain. Turun dan naik harga minyak sawit telah diketahui dan sentiasa berlaku, justeru itu penanam sawit perlu sentiasa bersedia supaya penurunan harga minyak sawit dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Wahid bin Omar (wahid@mpob.gov.my)

sambungan dari muka surat 2

Datuk Peter Chin Fah Kui juga menyarankan supaya pekebun kecil mengamalkan integrasi tanaman dan ternakan di ladang secara sistematik bagi menambah pendapatan terutama dalam keadaan harga sawit yang rendah sekarang. Pekebun kecil yang menanam semula digalakkan mengamalkan sistem tanaman dua baris yang diperkenalkan oleh MPOB untuk membolehkan penanaman integrasi jangka panjang.

Akhirnya, beliau menyeru penanam sawit mengamalkan Kod Amalan Pertanian Baik yang dikeluarkan oleh MPOB. Kod Amalan Pertanian Baik ini adalah memenuhi keperluan permintaan pengguna global yang mahukan minyak sawit yang dikeluarkan adalah secara mapan dan selamat digunakan. Pelaksanaan Kod Amalan Pertanian Baik di semua peringkat pengeluaran akan memastikan peningkatan produktiviti dan kualiti pengeluaran minyak sawit dan memberi keyakinan kepada pengguna dan negara pengimport terhadap minyak sawit Malaysia yang memenuhi piawaian antarabangsa untuk pengeluaran produk makanan.

Dato' Sabri Ahmad, Pengerusi MPOB dalam ucapan aluannya pula memberitahu, penyelidikan yang dijalankan oleh MPOB telah menghasilkan 412 teknologi dan inovasi baru untuk pengkomersialan oleh pihak industri dan usahawan tempatan.

Sempena persidangan kali ini, Datuk Peter Chin Fah Kui telah melancarkan baja MPOB F3 yang dikeluarkan oleh Syarikat Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd. dan baja MPOB F4 oleh Syarikat All Cosmos Industries Sdn. Bhd. Baja seimbang dan mesra alam ini sesuai untuk digunakan oleh pekebun kecil yang tidak mempunyai kemudahan analisis tanah dan daun untuk mendapatkan pengesyoran baja yang spesifik.

Dalam persidangan kali ini, sebanyak 14 kertas kerja dan satu ucap utama telah dibentangkan yang merangkumi aspek Kod Amalan MPOB, pengeluaran dan pemprosesan mapan, teknologi meningkatkan hasil sawit, produktiviti, pendapatan dan impak teknologi kepada sektor pekebun kecil.



Sumbangan: Roslan Arshad
(roslan@mpob.gov.my)

??????? **Kuiz Sawit** ????????

1. Apakah bahan aktif racun hama yang digunakan untuk mengawal anai-anai?
2. Nyatakan simptom serangan anai-anai pada pokok sawit?
3. Namakan tiga Kod Amalan MPOB?
4. Senaraikan tiga perkara penting yang ditekankan oleh Kod Amalan Pertanian Baik untuk Estet dan Pekebun Kecil?
5. Berapa peratuskah bahan berasaskan sawit yang terdapat dalam sabun lutsinar?

Jawapan di muka surat 10

SUDUT TEKNOLOGI

KAEDAH PEMBAJAAN BERKESAN DI TANAH GAMBUT

Pengenalan

Tanah gambut ditakrifkan sebagai tanah yang mempunyai ketebalan lapisan bahan organik melebihi 50 cm, kandungan bahan mineral tidak melebihi 35% dan keluasannya tidak kurang dari 1 ha. Tanah gambut dikategorikan sebagai tanah bermasalah, antara ciri-ciri penting yang membataskan pertumbuhan dan penghasilan sawit ialah kepadatan pukal tanah rendah, paras air tinggi, susutan tanah, pH rendah, kadar C/N tinggi serta rendah tahap kesuburan terutama nutrien kalium dan nutrien surih (boron, kuprum dan zinkum). Bagi mencapai pengeluaran hasil yang setanding di tanah mineral, usaha pengubahsuaian dan pemuliharaan tanah perlu dilakukan seperti penyediaan kawasan dan penanaman yang betul, pengurusan air yang cekap, penggunaan baja yang lengkap dan seimbang serta mempraktikkan amalan pertanian baik.

Pembajaan merupakan faktor utama kejayaan penanaman sawit dan juga merupakan komponen tertinggi bagi kos pengeluaran hasil BTS sawit iaitu hampir 40%. Di tanah gambut, sifat poros tanah serta daya pegangan nutrien dan air yang rendah meningkatkan risiko kehilangan baja yang ditabur melalui proses larut resap terutama di musim hujan. Antara faktor yang mempengaruhi kecekapan dan keberkesanan pembajaan sawit di tanah gambut ialah;

- i. Jenis hutan gambut yang mempengaruhi kandungan nutrien;
- ii. Kedalaman lapisan gambut (cetek, sederhana dalam dan dalam);
- iii. Jenis mineral di bawah lapisan gambut (pasir atau tanah liat);
- iv. Tahap penguraian bahan organik (*fibric, hemic, sapric*);
- v. Taburan hujan dan paras air tanah; dan
- vi. Tahap pengurusan ladang dan amalan agronomi.

Keperluan Baja

Jumlah keperluan baja adalah berbeza mengikut umur pokok dan jenis tanah. Kebiasaannya keperluan baja yang tepat ditentukan melalui analisis daun dan tanah tetapi ianya memerlukan

kos yang agak tinggi. Melalui usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berterusan, terdapat pengesyoran umum pembajaan sawit bagi setiap jenis tanah termasuk tanah gambut. Pengamalan pembajaan mengikut pengesyoran ini telah terbukti meningkatkan pengeluaran hasil BTS sawit di tanah gambut setanding di tanah mineral iaitu sehingga mencapai 30 t/ha/thn.

Nisbah C/N yang tinggi di tanah gambut menyebabkan ketersediaan nitrogen (N) bagi tanaman sawit adalah terhad. Penguraian bahan organik dapat memperbaiki status kandungan N dalam tanah, oleh itu kadar pembajaan N boleh dikurangkan. Kadar pembajaan N bagi sawit di tanah gambut adalah antara 0.5 hingga 1.0 kg/pk/thn baja urea bergantung kepada umur pokok dan tahap penguraian bahan organik. Kajian yang dijalankan oleh MPOB menunjukkan kehadiran fosfat (P) akan mempengaruhi pengambilan unsur kuprum (Cu) dan zinkum (Zn). Kadar yang diperlukan untuk sawit matang disyorkan tidak melebihi 1.0 kg/pk/thn baja batuan fosfat. Keperluan pembajaan N dan P di Sarawak adalah lebih tinggi berbanding di Semenanjung mungkin disebabkan oleh faktor taburan hujan yang tinggi.

Status kandungan kalium (K) di tanah gambut adalah sangat rendah memerlukan kadar pembajaan K yang tinggi. Kadar yang disyorkan adalah antara 1.0 hingga 5.0 kg/pk/thn baja MOP bergantung kepada umur pokok. Penggunaan abu tandan sawit didapati sesuai bagi menggantikan baja MOP dengan kadar sekali ganda. Selain sebagai sumber nutrien K abu tandan sawit juga berkesan memperbaiki pH tanah serta mengurangkan kos pembajaan. Berdasarkan kajian, status kandungan magnesium (Mg) dan kalsium (Ca) di tanah gambut adalah tinggi dan mencukupi bagi keperluan pokok sawit. Status kandungan Cu dan Zn di tanah gambut adalah rendah oleh itu pembajannya perlu dijalankan terutama di peringkat sawit muda dengan kadar 0.2 kg/pk/thn baja kuprum sulfat dan zinkum sulfat. Pembajaan B perlu dijalankan setiap dua tahun sekali dengan kadar 0.1 kg/pk baja Borate 48.

Usaha penyelidikan MPOB telah menghasilkan rumusan baja sebatian yang sesuai bagi tanaman sawit di tanah gambut. Rumusan baja MPOB F3 menggunakan urea sebagai sumber nutrien N. Bagi meningkatkan kecekapan pengambilan nutrien oleh pokok sawit, baja MPOB F3 juga mengandungi mineral semula jadi zeolite. Rumusan baja MPOB F3 mengandungi 10% N, 7% P_2O_5 , 19% K_2O , 1.5% MgO , 0.5% B_2O_3 dan 17% zeolite. Kadar pengesyoran baja MPOB F3 bagi tanaman sawit di tanah gambut adalah seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1*.

sambungan dari muka surat 4

JADUAL 1. KADAR PENGESYORAN UMUM TANAMAN SAWIT DI TANAH GAMBUT

Umur (thn)	Jenis Baja	Kadar Baja (kg/pk/thn)
Semasa menanam	Batuan fosfat	0.20
	Kuprum sulfat	0.02
	Zinkum sulfat	0.02
	Kapur (Limestone dust)	2.50
1	MPOB F3	3.0
2	MPOB F3	6.0
3	MPOB F3	6.3
4	MPOB F3	7.2
5	MPOB F3	7.5
6	MPOB F3	7.8
7	MPOB F3	8.4
8 dan ke atas	MPOB F3	9.0

Tanda Kekurangan Nutrien

Tanda kekurangan sesuatu nutrien dapat dilihat melalui warna serta bentuk daun sawit. Perlu diingatkan bahawa tanda-tanda kekurangan nutrien ini hanya akan kelihatan apabila kekurangan nutrien tersebut berada di tahap yang serius. Di tanah gambut, tanda kekurangan nutrien yang kerap berlaku ialah kalium (Rajah 1a), boron (Rajah 1b), zinkum dan kuprum (Rajah 1c).



Rajah 1a.: Tanda kekurangan kalium - terbentuk bintik-bintik oren di antara urat daun dan seterusnya membesar serta bertukar ke warna coklat, kekurangan lebih kritikal menyebabkan hujung lai daun mengering dan merebak keseluruhan lai daun dan menyebabkan pengeringan pelepah yang masih muda.



Rajah 1b. Tanda kekurangan boron - hujung lai daun berbentuk cangkuk, berkedut, berbentuk 'V' atau lai daun berjalur kekuningan, kekurangan lebih kritikal menyebabkan pelepah baru menjadi pendek atau berputar dan pokok akan terbantut.



Rajah 1c. Tanda kekurangan kuprum (A) dan zinkum (B) - di tanah gambut kekurangan nutrien ini ditunjukkan oleh tanda-tanda kekuningan daun terutama di peringkat pokok muda.

Panduan Pembajaan

Pada masa kini industri penanaman sawit masih bergantung kepada penggunaan baja kimia kerana ianya lebih praktikal dan mudah didapati di pasaran. Pemilihan jenis baja bergantung faktor kos, umur pokok, keluasan ladang, jenis tanah dan tenaga pekerja. Umumnya, kadar pembajaan bergantung kepada faktor umur pokok, jenis tanah dan harga BTS. Pengesyoran kadar pembajaan dibuat berdasarkan konsep 'kadar pembajaan optimum' iaitu peningkatan kadar baja memberi kesan peningkatan pengeluaran hasil pada kadar yang menguntungkan. Pengesyoran umum pembajaan dibuat berdasarkan hasil penyelidikan yang dijalankan bagi sesuatu jenis tanah dan persekitaran.


Pembajaan tidak dijalankan dalam musim hujan lebat bagi mengelakkan kehilangan baja

bersambung ke muka surat 6


sambungan dari muka surat 5

kesan larian air permukaan dan larut resap. Pembajaan juga tidak dijalankan dalam musim kering dan panas terik bagi mengelakkan baja meruap terutamanya baja urea. Pokok sawit muda (kurang tiga tahun) memerlukan kekerapan pembajaan yang tinggi iaitu antara empat hingga enam pusingan setahun. Bagi pokok matang (melebihi tiga tahun) kekerapan pembajaan tidak melebihi tiga pusingan setahun.

Baja perlu ditabur di kawasan yang terdapat banyak pertumbuhan akar penyerap serta kurang saingan rumput. Ianya penting bagi memastikan pokok sawit dapat menyerap atau mengambil baja yang ditabur secara cekap dan maksimum. Di tanah gambut, sebanyak 200 g batuan fosfat, 15 g kuprum sulfat dan 15 g zinkum sulfat hendaklah diletakkan di dalam lubang penanaman. Bagi pokok sawit berumur kurang lima tahun, pembajaan dilakukan di dalam kawasan merumpai hingga bahagian hujung kanopi daun (*Rajah 2*). Bagi pokok matang iaitu berumur melebihi tujuh tahun, penaburan baja hendaklah dibuat di kawasan lorong antara pokok dan himpunan pelepah yang telah dipangkas kerana di kawasan ini terdapat banyak akar yang paling aktif (*Rajah 3*). Elakkan membaja di kawasan lorong tuai kerana tanah di kawasan itu telah mampat. Pekebun hendaklah memastikan kawasan penempatan baja sentiasa bersih daripada sebarang rumput.



Rajah 2. Tempat peletakan baja (A) dan sistem akar sawit (B) bagi pokok berumur kurang lima tahun.



Rajah 3. Tempat peletakan baja (A) dan sistem akar sawit (B) bagi pokok berumur melebihi tujuh tahun.

Kesimpulan

Pembajaan yang cekap dan berkesan merupakan antara faktor penting untuk meningkatkan hasil BTS sawit terutama di kawasan tanah gambut. Tambahan pula, disebabkan kos baja pada masa ini yang agak mahal, pekebun sawit digalakkan mengamalkan program pembajaan berhemah melalui pemilihan baja yang sesuai, penggunaan kadar, kekerapan dan peletakan baja yang betul serta menggunakan bahan organik yang terdapat secara percuma atau lebih murah seperti abu tandan. Pembajaan yang berlebihan dan tidak cekap adalah pembaziran dan menyebabkan kos pengeluaran yang tinggi. Oleh itu, pengurusan pembajaan dengan pengetahuan baja yang mengandungi nutrien seimbang dan amalan pembajaan yang cekap dapat mengelakkan pembaziran dan pencemaran alam sekitar. Dengan keadaan harga semasa minyak sawit mentah yang tidak menentu serta peningkatan harga baja, maka pekebun sawit perlu menitikberatkan usaha bagi meningkatkan pengeluaran hasil dan boleh menawarkan produk yang berkualiti dan mesra alam.

Rujukan

GURMIT, S; TAN, Y P; RAJAH PADMAN, C V dan LEE, F W (1986). *Experiences on the cultivation and management of oil palms on deep peat in United Plantations Berhad. Proc. of the 2nd International Soil Management Workshop*. April 1986. Thailand.

IDRIS, O dan MOHD NIZAM, A R (2006). Pembajaan optimum dan seimbang ke arah meningkatkan pengeluaran buah tandan segar. Seminar Kelab 30 Tan. Sepang, Selangor.

JAMAN, O dan KUEH, H S (1996). *Oil palm research and development on peat in Sarawak. Proc. of 1996 Seminar on prospect of Oil Palm Planting on Peat in Sarawak*. 18-19 Mac 1996. Sibu, Sarawak. m.s. 61-70.

HASNOL, O; TARMIZI, A M dan MOHD TAYEB, D (2005). *Effects of various sources of Potassium fertilizer application on oil palm planted on peat in Sarawak. Proc. of PIPOC 2005*. 25-29 September 2005. Petaling Jaya, Selangor. m.s. 864-875.

MOHD TAYEB, D (2005). *Technologies for planting oil palm on peat*. MPOB, Bangi, Selangor. m.s. 46-50.



Sumbangan:

Shafirul Ab Wahab dan Hasnol Othman
(shafirul@mpob.gov.my) dan
(hasnol@mpob.gov.my)

KENALILAH... BAJA MPOB F3

Baja MPOB F3 mengandungi nutrien sawit yang seimbang dan dirapikan dengan mineral zeolite.

Baja MPOB F3 yang dikeluarkan oleh Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNPKFSB) adalah hasil kerjasama syarikat tersebut dengan MPOB. MNPKFSB yang terletak di Gurun, Kedah ialah anak syarikat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang ditubuhkan pada 2004 atas usahasama NAFAS dan Petronas Fertilizer Kedah Sdn. Bhd.

Baja MPOB F3 dirumus dan dibuat untuk tujuan berikut:

- Memastikan nutrien yang digunakan mengikut keperluan pokok sawit.
- Menentukan nisbah nutrien dalam baja mengikut lengkok tindak balas hasil dari percubaan pembajaan sawit.
- Memastikan sumber nutrien yang digunakan bermutu dan murah.
- Mengesyorkan penggunaan mineral zeolite yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pembajaan dari segi penyerapan nutrien oleh akar pokok.

- Segala ramuan baja diproses untuk menghasilkan butiran baja sebatian yang seragam.

Baja MPOB F3 dirumus dengan kombinasi baja N-P-K-Mg-B dengan zeolite yang menjadikan baja yang lengkap dan lebih mesra alam. Baja ini mempunyai sifat spesifik yang sesuai digunakan di tanah lanar, tanah organik, tanah berpasir atau tanah pendalaman seperti tanah liat dan laterit.

Baja ini membekalkan peratusan nutrien yang seimbang iaitu N-P-K (10-7-19) serta Mg (1.5) dan B (0.5) untuk pokok sawit menghasilkan BTS yang banyak. Ia juga mengandungi nutrien kalsium, silika dan lain-lain nutrien mikro untuk pertumbuhan pokok yang sihat.

Baja MPOB F3 yang diadun dengan mineral zeolite dapat membantu nutrien bertahan lebih lama di kawasan pengakaran pokok kerana keupayaan pertukaran kation (CEC) yang berupaya mengawal pelepasan nutrien seiring dengan keperluan pokok. Dengan itu nutrien yang diperlukan dapat diserap oleh akar pokok dengan lebih cekap dan berkesan, menjadikan MPOB F3 baja yang lebih mesra alam.



Baja MPOB F3 mengandungi nutrien NPKMgB (10:7:19:1.5:0.5).



Sumbangan: Hj. Ahmad Tarmizi Mohammed (tarmizi@mpob.gov.my)



Dodol Sawit

Bahan-bahan

- 1.8 kg tepung pulut
- 300 g tepung beras
- 3.6 kg gula melaka
- 12 kg santan sawit
- 15 helai daun pandan



Cara membuat

1. Bancuh tepung beras dan tepung pulut dengan santan, tapis bancuhan tadi ke dalam kualiti besi.
2. Kemudian masak gula melaka dengan sedikit air dan daun pandan.
3. Gula melaka yang telah dimasak boleh diadun ke dalam bancuhan tepung tadi.
4. Masak adunan dengan menggunakan api yang perlahan untuk mengelakkan hangus.
5. Setelah adunan setengah masak, masukkan pati santan kemudian kacau sehingga sebati.
6. Setelah masak bolehlah diangkat dan disejukkan.



Sumbangan: Dr Zaida Zainal

SEMBANG
SAWIT



SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : BIOTEKNOLOGI BERKEMBANG 22%

Tarikh : Utusan Malaysia, 7 Oktober 2008

Industri bioteknologi negara yang bernilai RM 1.3 bilion dijangka berkembang pada kadar 22% setahun. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kekuatan Malaysia dalam industri sawit perlu digunakan sepenuhnya untuk mencapai sasaran pertumbuhan itu.

Katanya, antara yang perlu diberi perhatian ialah kaedah-kaedah baru bioteknologi dalam industri sawit untuk menghasilkan biofuel. Mengulas mengenai kemudahan untuk mendapatkan biofuel ini, beliau berkata, infrastruktur yang berkaitan perlu dibangunkan terlebih dahulu.

Tajuk : MPOB RAMPAS BENIH SAWIT

Tarikh : Berita Harian, 26 September 2008

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) merampas 235 800 biji benih sawit yang dihasilkan secara haram dalam dua serbuan berasingan di sekitar daerah Banting.

Rampasan itu dilakukan pasukan Skuad Khas MPOB yang diketuai Ketua Unit Penguatkuasaan, Abdul Jalil Murad berjaya menghalang cubaan menjual biji benih cambah tanpa lesen MPOB. Dalam serbuan pertama, MPOB merampas 35 800 biji benih sawit dan lima suspek ditahan untuk siasatan.

Pemeriksaan MPOB mendapati biji benih sawit berkenaan dihasilkan oleh pengusaha haram di kawasan Kancong Darat, Banting. Bertindak hasil maklumat awam, Skuad Khas MPOB mengadakan serbuan kedua ke atas premis pengeluar biji benih tanpa lesen MPOB di Kancong Darat dan merampas sebanyak 200 000 biji benih sawit cambah yang dihasilkan tanpa lesen.

Tajuk : KERAJAAN AMBIL LANGKAH KEKALKAN HARGA SAWIT

Tarikh : Utusan Malaysia, 8 November 2008

Kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah segera mengurangkan bekalan selain meningkatkan lagi penggunaan minyak sawit dalam usaha mengekalkan harga minyak sawit mentah (MSM) antara RM 2000 hingga RM 2600 setan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, antara langkah itu adalah mempercepatkan usaha penanaman semula pokok sawit yang berusia lebih 25 tahun, meningkatkan penggunaan minyak sawit untuk biofuel serta membangunkan aktiviti hiliran.

“Buat masa ini harga MSM di pasaran dunia adalah RM 1600 setan dan kita menasarkannya akan melebihi RM 2000 setan. Setakat ini, jumlah simpanan MSM kita pada September lalu mencatat 1.9 juta tan dan apa yang membimbangkan jika jumlah ini terus meningkat dan ia akan menyebabkan harga di pasaran menjunam. Ia bukan sahaja merugikan kerajaan tetapi juga para pengusaha sawit tempatan,” katanya.

Tajuk : MINYAK BIODIESEL JADI MANDATORI 2010

Tarikh : Kosmo, 11 Disember 2008

Penggunaan biodiesel akan dijadikan mandatori bagi sektor pengangkutan dan perindustrian menjelang 2010, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui.

Katanya, mulai Februari tahun depan, kenderaan kerajaan akan mula menggunakan jenama *Envo Diesel Ester* (B5) yang merupakan satu adunan 5% minyak sawit dan 95% diesel.

bersambung ke muka surat 10

sambungan dari muka surat 9

“Menjelang 2010, dianggarkan 500 000 tan biodiesel dari minyak sawit akan diperlukan”, katanya selepas melancarkan B5 bagi kenderaan yang menggunakan biodiesel di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), baru-baru ini.

Katanya, harga B5 akan ditetapkan sebanyak RM 1.95 seliter dengan kerajaan memberikan subsidi lima sen seliter.

Tajuk : KERAJAAN SELARAS ADUNAN BIODIESEL

Tarikh : Berita Harian, 11 Disember 2008

Kerajaan akan membuat penyelarasan dalam adunan minyak sawit mentah (MSM) dalam biodiesel jika harga komoditi itu kembali berada pada paras tinggi bagi menjamin bekalannya sentiasa mencukupi untuk pengeluaran minyak masak, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui.

Justeru itu, katanya kerajaan sentiasa memantau pergerakan harga MSM di pasaran supaya dapat membuat persediaan rapi jika berlakunya perubahan yang mendadak.

“Jika harga MSM kembali melonjak tinggi, kerajaan akan membuat pelarasan mengikut keperluan dengan mengurangkan adunan peratusan daripada 5% kepada 3% atau 2% seumpamanya, supaya industri berkaitan minyak sawit yang lain seperti minyak masak tidak berdepan masalah kekurangan bekalan”, katanya selepas majlis pelancaran penggunaan biodiesel sawit yang menggunakan jenama Envo Diesel Ester (B5) untuk kenderaan jabatan kerajaan.



Sumbangan: Noor Asmawati bt Abd Samad

JAWAPAN KUIZ SAWIT

1. *Chlopyrifos* dan *Fipronil*.
2. Simptom serangan anai-anai pada pokok sawit muda ialah terdapat longgokan tanah pada bahagian pangkal pucuk, dan pada pokok matang terdapat laluan tanah di bahagian batang pokok.
3. Tiga Kod Amalan MPOB:
 - i. Sijil Kecekapan Tapak Semaian Sawit (OPNCC).
 - ii. Kod Amalan Pertanian Baik untuk Estet dan Pekebun Kecil.
 - iii. Kod Amalan Pengilangan untuk Kilang Minyak Sawit.
4. Kod Amalan Pertanian Baik untuk Estet dan Pekebun Kecil:
 - i. Menyimpan buku rekod ladang.
 - ii. Benih sawit yang digunakan mendapat sijil OPNCC dan tidak diubah genetiknya.
 - iii. Ladang sah digunakan dan jenis tanah serta topografi ladang sesuai untuk tanaman sawit.
5. 74%.



TAHUKAH ANDA?

SANTAN SAWIT

MPOB telah berjaya menghasilkan santan sawit yang mempunyai ciri-ciri yang setanding santan kelapa yang biasa kita guna setiap hari. Santan sawit ini dihasilkan dari minyak sawit mentah yang telah ditapis, diluntur dan dinyahbau yang dihasilkan melalui teknik penyemburan. Santan sawit didapati tidak mudah rosak berbanding dengan santan kelapa yang boleh rosak dalam beberapa jam sahaja jika disimpan pada suhu bilik. Ia juga boleh disimpan lebih lama di dalam peti sejuk pada suhu 5°C tanpa mengalami perubahan bau, warna, rasa dan tidak cepat tengik. Dari segi pemakanan pula, santan sawit didapati kaya dengan vitamin A dan E iaitu bahan anti-oksidasi yang bertindak terhadap radikal bebas dan tidak

mengandungi trans-asid lemak yang berbahaya kepada kesihatan.

Pengambilan santan sawit juga boleh mengurangkan kandungan kolesterol dalam darah kerana ia mempunyai kurang asid lemak tepu yang berantai pendek seperti laurik dan miristik berbanding dengan santan kelapa. Santan sawit seperti juga santan kelapa boleh digunakan di dalam makanan seharian dan dalam pembuatan makanan tradisional melayu seperti dodol, kuih seri muka, kari ayam dan lain-lain lagi. Oleh itu, santan sawit dilihat berpotensi digunakan sebagai pilihan alternatif kepada penggunaan santan kelapa yang sering dikaitkan dengan kandungan lemaknya yang tinggi.



Makanan yang berasaskan santan sawit.



Sumbangan: Dr. Zaida Zainal
(zaida@mpob.gov.my)

DIARI & PERISTIWA

a. Sepanjang September hingga Disember 2008

- **Kursus Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Pegawai TUNAS Lantikan Baru.** Kursus ini telah diadakan pada 20-29 November 2008, di ibu pejabat MPOB, Bangi, Selangor. Seramai 35 orang pegawai TUNAS lantikan baru dari seluruh Malaysia telah mengikuti kursus ini dengan jayanya.
- **Ceramah dan Dialog Pengurusan Tapak Semaian Sawit ke arah OPNCC.** Program ini bertujuan untuk menerangkan kepada pengusaha tapak semaian mengenai skim OPNCC dan peraturan pelesenan serta mendorong pengusaha mendapatkan sijil OPNCC.

Program ini telah diadakan pada tarikh dan tempat seperti berikut:

1. Zon Tengah dan Timur (20 Oktober 2008), di Dewan Persidangan, Wisma Sawit, Kelana Jaya, Selangor dan seramai 20 orang peserta telah menyertai ceramah.
 2. Zon Selatan (23 Oktober 2008), di Bilik Mesyuarat Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, Johor dan seramai 42 orang peserta telah menyertai ceramah.
 3. Zon Sarawak (29 Oktober 2008), di Bilik Mesyuarat PPK Subis, Miri, Sarawak dan seramai 16 orang peserta telah menyertai ceramah.
 4. Zon Sabah (4 November 2008), di Bilik Mesyuarat MPOB Wilayah Sabah, Kota Kinabalu, Sabah dan seramai 21 orang peserta telah menyertai ceramah.
 5. Zon Sabah (6 November 2008), di Bilik Kuliah Bangunan Plasma, Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu dan seramai 23 orang peserta telah menyertai ceramah.
 6. Zon Utara (18 November 2008), di Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam, Seberang Jaya, Pulau Pinang dan seramai 37 orang peserta telah menyertai ceramah.
- **Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil 2008.** Persidangan ini telah diadakan di Ibu Pejabat MPOB, Bandar Baru Bangi pada 11 - 12 November 2008. Persidangan yang bertemakan 'Amalan Pertanian Baik- Budaya Kita' ini bertujuan untuk menyampaikan teknologi baru terutama peningkatan hasil, menambah pendapatan dan mengurangkan kos pengeluaran. Selain itu, ia meningkatkan kesedaran di kalangan penanam sawit terhadap kepentingan menerima pakai teknologi terkini dan pengeluaran minyak sawit secara mapan. Jumlah keseluruhan peserta yang menyertai program ini adalah seramai 552 orang.
 - **Pelancaran Baja MPOB F3 dan MPOB F4.** Sempena Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil 2008 ini, Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia telah melancarkan baja terkini yang dicipta oleh penyelidik MPOB iaitu MPOB F3 dan MPOB F4. MPOB F3 adalah baja sebatian berbentuk butiran yang mengandungi nutrien yang seimbang dan mesra alam. Ia menggunakan urea sebagai sumber nutrien nitrogen (N) yang sesuai digunakan di tanah lanar pantai, tanah pendalaman dan tanah gambut. Baja MPOB F4 pula dirumuskan untuk mengembalikan kesuburan tanah dengan bahan organik dan merapikan tanah bermasalah dengan mineral semula jadi *zeolite* khas untuk campuran baja.
 - **Kursus Sehari Sawit.** Kursus Sehari Sawit merupakan kursus yang dipohon oleh pihak agensi untuk agen pengembangan dan pekebun kecil. Kursus ini mengandungi sesi ceramah di sebelah pagi dan latihan atau lawatan ke kebun di sebelah petang. Kursus sehari sawit untuk pekebun kecil dan agen pengembangan yang telah diadakan pada tarikh dan tempat seperti berikut:
 1. Risda Kota Tinggi pada 14 Oktober 2008 dan seramai 19 orang peserta telah hadir.
 2. Bilik Gerakan Pejabat Risda Daerah Perak Tengah/Kinta pada 16 Oktober 2008 dan seramai 21 orang peserta telah hadir.
 3. IKPK Pahang 20 - 24 Oktober 2008 dan seramai 28 peserta telah hadir.
 4. RISDA Stesen Kota Tinggi pada 4 November 2008 dan seramai 23 orang peserta telah hadir.

b. Sepanjang Januari hingga April 2009

- **Kursus Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan.** Untuk Januari hingga April 2009, beberapa Kursus Sehari Bersama Ahli Kelab Tan anjuran Pusat TUNAS akan diadakan di seluruh negara. Program ini bertujuan untuk memindahkan teknologi kepada pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan dengan berkongsi teknologi pengurusan terkini dengan pegawai TUNAS dan ahli kelab. Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi ceramah, pertunjukan kaedah dan pameran. Jangan lepaskan peluang menyertai program yang bakal diadakan dan hubungi Penyelaras TUNAS di zon berkenaan.

PROFIL KOMODITI

PROFIL KOMODITI SAWIT (Januari-Disember 2008)

Industri minyak sawit Malaysia mencatatkan prestasi yang sungguh memberangsangkan pada tahun 2008 berikutan harga yang direkodkan berada pada paras yang tertinggi di samping peningkatan pengeluaran minyak sawit tempatan. Kenaikan harga minyak sawit adalah kesan dari peningkatan memuncak harga minyak petroleum serta pengukuhan harga minyak sayuran dunia. Harga yang tinggi telah menjana pendapatan yang lebih bagi pekebun kecil pada tahun ini.

Pada tahun 2008, jumlah keluasan yang ditanam dengan pokok sawit bertambah 3.4% atau 145 000 hektar kepada 4.45 juta hektar. Sabah terus kekal sebagai negeri terluas bagi tanaman sawit dengan 1.32 juta hektar atau 29.7% dari keseluruhan tanaman sawit.

Pengeluaran minyak sawit mentah terus bertambah pada tahun ini, mencapai 17.5 juta tan berbanding 15.82 juta tan dari tahun sebelumnya. Pertambahan sebanyak 8.9% ini adalah disebabkan peningkatan kawasan yang matang serta pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS) ke paras 19.99 tan sehektar setahun dan kadar perahan minyak (OER) melebihi 20.0%. Jumlah eksport keluaran minyak sawit bertambah sebanyak 2.8% atau 0.76 juta tan ke paras 20.13 juta tan pada tahun 2008 berbanding 19.57 juta tan pada tahun 2007. Berikutan kedudukan harga minyak sawit yang tinggi, jumlah pendapatan eksport keluaran minyak

sawit juga dijangka meningkat kepada RM 48.0 bilion berbanding RM 33.18 bilion pada tahun 2007. Negara China P.R., merupakan pasaran eksport utama minyak sawit Malaysia dengan jumlah 3.16 juta tan (Januari - Oktober 2008). Ini diikuti dengan eksport ke Kesatuan Ekonomi Eropah (EU) sebanyak 1.63 juta tan dan Pakistan 1.01 juta tan bagi tempoh tersebut.

Pada tahun 2008 juga, dengan pertambahan kadar pengeluaran yang lebih tinggi dari kadar peningkatan eksport yang kecil menjadikan paras stok akhir tahun telah meningkat ke paras 2.00 juta tan iaitu peningkatan sebanyak 0.32 juta tan atau 19.0% dari tahun sebelumnya iaitu di paras 1.68 juta tan.

Harga purata tahunan minyak sawit mentah 2008 meningkat 4.8% atau RM 121.50 kepada RM 2800.00 berbanding RM 2530.00 pada tahun sebelumnya. Harga purata bulanan yang tertinggi dan terendah pada tahun ini direkodkan masing-masing pada Mac dan November di paras RM 3680.00 dan RM 1520.50. Purata harga buah tandan segar meningkat ke paras RM 650.00 setan atau 17.9% pada tahun 2008 berbanding dengan purata RM 551.00 setan pada tahun 2007.

Bagi tahun 2009, prestasi industri sawit negara dijangka memberangsangkan kesan dari pemuliharaan harga berikutan dari pelaksanaan dasar Kerajaan dalam Skim Insentif Tanam Semula dan dasar biofuel negara.

PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA (JANUARI - DISEMBER 2007/2008*)

	2007	2008*	Beza
Stok awal (juta tan)	1.50	1.68	+ 0.18
Pengeluaran (juta tan)	15.82	17.50	+ 1.68
Eksport minyak sawit (juta tan)	13.74	14.50	+ 0.76
Eksport produk sawit (juta tan)	19.57	20.13	+ 0.56
Nilai eksport minyak sawit (RM bilion)	33.18	48.00	+ 14.82
Nilai eksport produk sawit (RM bilion)	45.17	62.00	+ 16.83
Stok akhir (juta tan)	1.68	2.00	+ 0.32
Harga MSM (RM/t)	2530.00	2800.00	+ 121.50
Harga isirung sawit (RM/t)	1461.00	1612.00	+ 151.00
Harga BTS (RM/t)	551.00	650.00	+ 99.00
Hasil BTS (tan/ha)	19.03	19.99	+ 0.96
Kadar perahan minyak sawit mentah (%)	20.17	20.00	- 0.17

Nota : * - Jangkaan



Sumbangan: Azmi bin K Ismail (azmi@mpob.gov.my)

Berita Bergambar



Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan MPOB, Haji Idris Omar berucap merasmikan Kursus Pegawai TUNAS di Ibu Pejabat MPOB pada 20-29 November 2008.



Menteri Perusahan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui menghadiri Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPOB di Ibu Pejabat MPOB baru-baru ini. Turut kelihatan (dari kiri) Pengerusi MPOB, Dato' Sabri Ahmad, Timbalan Menteri Kementerian Perusahan Perladangan dan Komoditi, Senator A. Kohilan Pillay, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahan Perladangan dan Komoditi, Datuk Wira Ismail Saleh, Ketua Pengarah MPOB, Dato' Dr. Mohd Basri Wahid dan Prof. Madya Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah.



Pegawai TUNAS mendengar penerangan kaedah penanaman Mucuna semasa menyertai kursus tanaman tersebut di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, Jerantut, Pahang pada 3 November 2008.

Menteri Perusahan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui melihat replika Baja MPOB F3 yang dilancarkan sempena Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2008 di Ibu Pejabat MPOB pada 11-12 November 2008. Turut kelihatan (dari kiri) Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahan Perladangan dan Komoditi, Datuk Wira Ismail Saleh, Pengerusi MPOB, Dato' Sabri Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Dato' Dr. Basri Wahid.



*Antara peserta yang menghadiri
Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil
Sawit 2008 di Ibu Pejabat MPOB pada
11-12 November 2008.*



*Pegawai MPOB, Balu a/l Nambiappan
memberi penerangan mengenai produk
ecomat sawit kepada rombongan
pelawat dari Ivory Coast yang melawat
Ibu Pejabat MPOB pada 21 Oktober
2008.*

*Antara peserta yang menyertai
Kursus Pengurusan Tapak Semaian
bagi mendapat Sijil Kompetensi
Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC)
MPOB yang diadakan di
Perbadanan Perpustakaan Awam,
Seberang Jaya, Pulau Pinang pada
18 November 2008.*



*Peserta Persidangan Kebangsaan Pekebun
Kecil Sawit 2008 mengambil kesempatan
melawat gerai pameran TUNAS bagi
mendapat maklumat aktiviti khidmat nasihat
kepada pekebun kecil.*

PELADANG JAYA

“Di mana Ada Kemahuan, Di Situ Ada Jalan”

- Abang Edwin



Tuan Haji Abang Edwin Bin Abang Masleh di kebun sawit milik beliau.

Bahagian Mukah merupakan bahagian ke-10 di dalam pentadbiran Negeri Sarawak. Kawasan ini terkenal dengan aktiviti perikanan, pertanian dan penternakan. Tuan Haji Abang Edwin Bin Abang Masleh, berusia 63 tahun merupakan seorang pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit dengan jayanya. Beliau pernah berkhidmat sebagai guru sandaran dan kakitangan awam di Jabatan Kerja Raya sebelum menceburi bidang keusahawanan sebagai kontraktor. Sebagai anak jati Melanau, beliau merasa puas kerana pengorbanan wang ringgit, masa dan tenaga yang dilaburkan untuk mengusahakan penanaman sawit, kini memberi pulangan yang amat menguntungkan buat diri dan keluarga bak kata pepatah ‘Di Mana Ada Kemahuan, Di Situ Ada Jalan’.

Hasil perkongsian hidup bersama Puan Saadiyah Binti Abdullah (Allahyarhamah), beliau dikurniakan tiga orang anak berusia antara 26 hingga 36 tahun. Kini, beliau hidup bahagia bersama Puan Kamariah Binti Sebawi yang sentiasa memberi semangat, dorongan dan galakan untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

Di dalam masyarakat, beliau pernah dilantik menjadi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan Mukah dan Bendahari Kehormat Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS) Bahagian Mukah. Dalam bidang politik, beliau adalah bekas Ahli Jawatankuasa Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Bahagian N51 Balingian dan Parlimen P213 Mukah.

Mengimbuai kembali sejarah penglibatan beliau dalam penanaman sawit, segalanya bermula semasa beliau mengikuti satu lawatan sambil belajar ke sebuah ladang sawit di Sungai Siput, Perak pada tahun 1998. Melalui penerangan yang disampaikan, timbul rasa minat yang amat mendalam terhadap penanaman sawit. Sekembalinya ke Mukah, beliau mula mengumpul maklumat dan mempelajari aspek pengurusan tanaman sawit daripada pihak PORLA dan PORIM (kini dikenali sebagai MPOB pada Mei 2000), FELCRA dan Jabatan Pertanian Bahagian Mukah.

Sebelum melaksanakan pembangunan ladang, beliau terlebih dahulu merancang pelan reka bentuk ladang. Menurut beliau, membuat pelan

sambungan dari muka surat 16

reka bentuk ladang amat penting bagi memastikan kerja – kerja pengurusan sawit berikutnya dapat dilakukan dengan baik. Pada awal Julai 1999, berbekalkan modal sendiri, beliau mula mengorak langkah membangunkan kawasan tanah kebun miliknya di KM 28, Jalan Mukah.

Beliau menggunakan jentera dan kaedah manual semasa membuka kawasan kebun sawit. Kerja-kerja membuat barisan tanaman dan menanam anak benih sawit dilakukan bersama-sama pekerja beliau sambil dibantu rakan baik yang berpengalaman. Pembangunan kawasan dilakukan secara berperingkat dan kini keluasan tanaman sawit beliau mencapai keluasan 17.23 ha.

Tuan Haji Abang Edwin memperoleh sumber anak benih *tenera* (DxP) yang dipilih sendiri dari Tapak Semaian Sawit Ladang Meruan, Sungai Diji, Selangau, Sib. Sejumlah 2550 pokok sawit telah dibeli dan ditanam. Jenis tanah di sini ialah jenis lanar pantai dengan jarak tanaman 8.8 m x 8.8 m x 8.8 m segi tiga. Topografi kawasan kebun sawit beliau adalah rata dan memudahkan beliau untuk melaksanakan pengurusan sawit seperti membaja, memangkas pelepah, menuai buah tandan segar, mengawal penyakit dan perosak. Untuk memastikan kerja tersebut dapat dilakukan dengan sempurna, beliau dibantu oleh dua orang pekerja upahan yang berpengalaman.

Kebun sawit beliau dibaja tiga kali setahun iaitu setiap empat bulan sekali. Beliau biasanya membaja selepas musim hujan. Jenis baja kimia

yang digunakan oleh beliau sekarang ini ialah jenis NPK 12:12:17:2 + TE, ditabur secara serakan sebanyak 3 kg/pk untuk setiap satu pusingan. Selain itu, kawalan perosak dan penyakit akan hanya dilakukan apabila terdapat tanda serangan.

Aktiviti pemangkasan pelepah dilakukan semasa kerja menuai buah sawit. Pelepah yang dipangkas disusun kemas di barisan lorong pelepah. Beliau meletakkan pelepah yang dipangkas selang sebaris bagi memastikan kerja penuaian dan penyelenggaraan kebun dilakukan dengan lancar.

Pusingan penuaian yang diamalkan ialah setiap 14 hari sepusingan bagi memastikan penuaian buah sawit cukup masak. Buah lerai juga dikutip dan dikumpulkan untuk dijual. Beliau menggunakan traktor untuk mengumpul dan mengangkut buah sawit yang dituai. Buah sawit beliau biasanya dihantar terus ke kilang sawit yang terletak 20 kilometer daripada kebun menggunakan lori miliknya sendiri.

Pada tahun 2005, purata hasil pengeluaran buah tandan segar di kebun beliau ialah 18.11 tan/ha. Ia terus meningkat pada tahun 2006 iaitu 19.10 tan/ha dan 2007 pula 23.67 tan/ha. Pada tahun 2008, purata hasil pengeluaran buah tandan segar beliau mencapai purata 30 tan/ha yang mana melayakkan beliau menjadi Ahli Kelab 30 Tan MPOB. Segala rekod perbelanjaan, aktiviti dan hasil disimpan di dalam buku rekod ladang. Menurut beliau, rekod ladang amat



Integrasi sawit dengan kambing diusahakan untuk memaksimumkan pendapatan.

bersambung ke muka surat 18

sambungan dari muka surat 17



Kandang kambing dibina sempurna bagi menjamin kesihatan dan keselesaan kambing.

penting dan wajib disimpan bagi memastikan perbelanjaan dapat diurus dengan teratur dan berhemah.

Berkat kejayaan beliau dalam bidang perniagaan, keusahawanan, pertanian dan penternakan, beliau telah menerima anugerah *Sarawak State Entrepreneur Of The Year 2007* dari Kerajaan Negeri Sarawak sempena Sambutan Hari Jadi Ke-85 TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak. Tuan Haji Abang Edwin juga pernah menerima anugerah Pegawai Bintang Sarawak (PBS) oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 2006 di atas sumbangannya dalam masyarakat.

Untuk memaksimumkan penggunaan tanah, Tuan Haji Abang Edwin mengintegrasikan kebun sawitnya dengan ternakan kambing baka Jamnapari dan Kampung. Sebanyak 10 ekor kambing baka Jamnapari dan baka Kampung telah dibeli. Menurut beliau, kambing yang diternak di kawasan kebun sawit mampu menjimatkan kos mengawal rumpai. Pada waktu siang, kambing yang diternak oleh beliau akan dilepaskan dan dikurung di dalam kandang pada waktu malam atau semasa hari hujan. Rumpit yang tidak diragut biasanya dibuang secara

manual tanpa diracun bagi mengelakkan kambing daripada mendapat keracunan makanan.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak MPOB kerana telah menempatkan pegawai TUNAS sebagai agen pengembangan di Bahagian Mukah. Semenjak pegawai TUNAS ditempatkan, beliau amat mudah memperoleh maklumat tentang teknologi terkini penanaman dan pengurusan sawit. Segala maklumat yang diperoleh daripada pegawai TUNAS dijadikan sebagai panduan dan diamalkan untuk meningkatkan kualiti pengeluaran hasil sawit.

Tambah beliau lagi, teknologi baru yang diperkenalkan oleh MPOB melalui Pusat TUNAS dalam penanaman sawit hendaklah diamalkan bagi memastikan pekebun kecil dapat memaksimumkan pendapatan dan secara tidak langsung menjadikan bidang pertanian sebagai satu perniagaan. Di akhir perbualan, beliau juga menerima sesiapa sahaja untuk datang melawat ke kebun sawit beliau untuk sama – sama belajar dan memperbaiki kelemahan diri serta menambah pengetahuan dalam bidang pengurusan sawit.

Direktori M P O B

	Alamat	No. Telefon dan Faks
Ibu Pejabat	Lembaga Minyak Sawit Malaysia 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi 43000 Kajang, Selangor	Tel : 03-87694400 Faks : 03-89259446
	Bahagian Penguatkuasaan dan Perlesenan Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran 47301 Kelana Jaya, Selangor	Tel : 03-78035544 Faks : 03-78033533
Stesen Penyelidikan	Stesen Penyelidikan MPOB Kluang Kilometer 11, Jalan Johor Tenggara, Beg Berkunci 532 86009 Kluang, Johor	Tel : 07-7891133 / 1134 Faks : 07-7891030
	Stesen Penyelidikan MPOB Keratong Kilometer 137, Lebuhraya Segamat Kuantan Peti Surat No. 24, Pejabat Pos Bandar Tun Razak 26900 Bandar Muadzam Shah, Pahang	Tel : 09-4512000 Faks : 09-4512029 / 2130
	Stesen Penyelidikan MPOB Teluk Intan No. 6 & 7, Jalan Merpati, Taman Sabak 45200 Sabak Bernam, Selangor	Tel : 03-32161624 Faks : 03-32162909
	Stesen Penyelidikan MPOB Hulu Paka Lot 2074, Bandar Ketengah Jaya, Beg Berkunci No. 4 23300 Bandar Ketengah Jaya, Terengganu	Tel : 09-8200142 / 0295 Faks : 09-8200158
	Pusat Mekanisasi Ladang dan Pusat Biomass Minyak Sawit Stesen Penyelidikan Usahasama MPOB/UKM Jalan Sekolah, Pekan Bangi Lama, 43000 Kajang, Selangor	Tel : 03-89201504 / 1542 Faks : 03-89201670
	Stesen Penyelidikan Usahasama MPOB/UKM Jalan Sekolah, Pekan Bangi Lama 43000 Kajang, Selangor	Tel : 03-89201504 / 1542 / 1855 Faks : 03-89201670
	Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu Kilometer 10, Jalan Tengah Nipah, Beg Berkunci No. 4 91109 Lahad Datu, Sabah	Tel : 089-882400 Faks : 089-882401
	Stesen Penyelidikan MPOB Sessang Kompleks MPOB, Jalan Saratok / Roban Lama, Peti Surat 69 95407 Saratok, Sarawak	Tel : 083-436252 / 438120 Faks : 083-436254
	Stesen Penyelidikan MPOB Belaga d/a Tingkat 1, Wisma Kontena, Batu 12, Jalan Kindurong Peti Surat 3125, 97013 Bintulu, Sarawak	Tel : 086-253072 / 019-2622592 Faks : 086-255840
Pejabat MPOB	MPOB Wilayah Utara Suite 11.02, Tingkat 11 Wisma Pantai, Jalan Kampung Gajah 12200 Butterworth, Pulau Pinang	Tel : 04-3230490 / 526 Faks : 04-3230527
	MPOB Cawangan Teluk Intan No. 56 & 58G, Jalan Intan 6, Bandar Baru Teluk Intan 36000 Teluk Intan, Perak	Tel : 05-6227515 Faks : 05-6215884

MPOB Pejabat Pelabuhan Butterworth Suite 11.4, Tingkat 11, Wisma Pantai, Jalan Kampung Gajah 12200 Butterworth, Pulau Pinang	Tel : 04-3230526/490 Faks : 04-3315799
MPOB Wilayah Tengah Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran 47301 Kelana Jaya, Selangor	Tel : 03-78035544 Faks : 03-78035051
MPOB Seremban Lot No. 7, Jalan S2B1, Lake View Square, Seremban 2 70300 Seremban, Negeri Sembilan	Tel : 06-6011605 Faks : 06-6011307
MPOB Pejabat Pelabuhan Klang No. 7/7A Jalan Melaka, Off Persiaran Raja Muda Musa 42000 Pelabuhan Klang, Selangor	Tel : 03-31674923 Faks : 03-31678073
MPOB Wilayah Selatan Bilik 3 Tingkat 22, Kompleks Tun Abdul Razak Jalan Wong Ah Fook 80000 Johor Bahru, Johor	Tel : 07-2236571 Faks : 07-2243319
MPOB Cawangan Kluang Kilometer 11, Jalan Johor Tenggara, Peti Surat 67 86009 Kluang, Johor	Tel : 07-7891133/1134 Faks : 07-7891030
MPOB Cawangan Tangkak Tingkat 1, Lot 1331, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor	Tel : 06-9788227/237 Faks : 06-978337
MPOB Pejabat Pelabuhan Pasir Gudang No. 22-A1 PTD 112731, Jalan Bandar 81700 Pasir Gudang, Johor	Tel : 07-2516017 Faks : 07-2510588
MPOB Wilayah Timur Suite 6, 7 & 8 Tingkat 10, Kompleks Teruntum, Jalan Mahkota 25000 Kuantan, Pahang	Tel : 09-5138677 Faks : 09-5130045
MPOB Cawangan Kuala Terengganu Tingkat 4, Lot 3 & 4, Bangunan LUTH/Bank Pertanian Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu, Terengganu	Tel : 09-6231077 Faks : 09-6234479
MPOB Cawangan Kuala Krai Lot PT 4676, Taman Teknik, Tingkat 1 Lebuh Raya Kula Krai, Gua Musang 18000 Kuala Krai, Kelantan	Tel : 09-9606090/015 Faks : 09-9606306
MPOB Cawangan Temerloh Lot 2123, Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji 28000 Temerloh, Pahang	Tel : 09-2960580 Faks : 09-2969470
MPOB Pejabat Pelabuhan Kuantan Peti Surat Berkunci No. 14, Bahagian Perdagangan Lembaga Pelabuhan Kuantan 26080 Kuantan, Pahang	Tel : 09-5833181 Faks : 09-5833775
MPOB Wilayah Sabah Tingkat 7, Blok D, Bangunan KWSP, Beg Berkunci No. 158 88999 Kota Kinabalu, Sabah	Tel : 088-235281/ 233194 Faks : 088-239025

MPOB Pejabat Pelabuhan Sandakan
Tingkat 4, Bangunan SKT, 2.7 KM Jalan Laila
90000 Sandakan, Sabah

Tel : 089-614248
Faks : 089-615245

MPOB Wilayah Sarawak
Tingkat 4, Crown Towers, 88 Jalan Pending
93450 Kuching, Sarawak

Tel : 082-342871 /
484051
Faks : 082-342876

MPOB Cawangan Miri
Lot 1262, Tingkat 1, Jalan Melayu, Miri Centre Point
98000 Miri, Sarawak

Tel : 085-427166
Faks : 085-437166

MPOB Cawangan Bintulu
Tingkat 1, Wisma Kontena, Kamena Land District
Batu 12, Jalan Tanjung Kidurung
97000 Bintulu, Sarawak

Tel : 086-253072
Faks : 086-255840

**Pejabat
Penyelaras
TUNAS**

Muhamad Arfan Johari
Penyelaras TUNAS Zon Sarawak
Stesen Penyelidikan MPOB Sessang
Kompleks MPOB, Jalan Saratok / Roban Lama
Peti Surat 69
95407 Saratok, Sarawak
E-mel: arfan@mpob.gov.my

Tel Pej. : 083-436252
H/P : 013-8333221
Faks : 083-255840

Amran Arifin
Penyelaras TUNAS Zon Sabah
Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu
Kilometer 10, Jalan Tengah Nipah
Beg Berkunci No.4
91109 Lahad Datu, Sabah
E-mel: amranarifin@mpob.gov.my

Tel Pej. : 089-897106 / 107
H/P : 013-5550908
Faks : 089-897109

K. Parthiban
Penyelaras TUNAS Zon Tengah
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
E-mel: parthiban@mpob.gov.my

Tel Pej. : 03-87694990
H/P : 012-6115739
Faks : 03-89258215

Idris Jaafar
Penyelaras TUNAS Zon Utara
MPOB Cawangan Teluk Intan
No. 56 & 58 G, Jalan Intan 6
Bandar Baru Teluk Intan
36000 Teluk Intan, Perak
E-mel: idris.jaafar@mpob.gov.my

Tel Pej. : 05-6227515
H/P : 017-2458470
Faks : 05-6215884

Mohamad Haidar Abdul Hamid
Penyelaras TUNAS Zon Timur
Pejabat MPOB Cawangan Temerloh
Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji
Lot 2123 Jalan Ibrahim
28000 Temerloh, Pahang
E-mel: mohd.haidar@mpob.gov.my

Tel Pej. : 09-2960580 /
582 / 584
H/P : 012-5947124
Faks : 09-2969470

Amir Dzulfadli Samad
Penyelaras TUNAS Zon Selatan
Pejabat MPOB Tangkak
Tingkat 1, Lot 1331
Jalan Payamas
86009 Kluang, Johor
E-mel: amir.zulfadli@mpob.gov.my

Tel Pej. : 07-7891133 /
07-7891134
H/P : 017-3708482
Faks : 07-7891030

SENARAI TAPAK SEMAIAN YANG MENDAPAT SIJIL KEWIBAWAAN PENGURUSAN TAPAK SEMAIAN (OPNCC)

Negeri	Nama Syarikat	Alamat	Tarikh Tamat Sijil OPNCC
Perak	Felcra Agro Industries Sdn. Bhd.	Tapak Semaian Pusat Zon Utara, Felcra Seberang Perak, Kg. Gajah, Perak. 05-6553742	31/03/2010
	Kalumpang Development Corp. Sdn. Bhd.	Ladang Subur, Batu 12, Batu Kurau, Perak. 05-8880286	11/09/2009
	Ladang Melintang Maju Sdn. Bhd.	Bt. Jln Changkat Jong, Teluk Intan, Perak. 05-6220614	23/12/2010
	Koperasi Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Bhd.	Ladang KOOP Pehuma, Batu 28, Jalan Beruas Ipoh Simpang 3, Parit, Perak. 05-7430981	23/12/2010
	Ladang MOCCIS Sdn. Bhd.	Lot 6198, Mukim Changkat Jong, Hilir Perak. 05-6211122	23/12/2010
	MHC Plantation Bhd.	Ladang Batang Padang, P.O Box 66 36000 Teluk Intan, Perak. 05-6221122	20/01/2010
	Nadi Rumpun Sdn. Bhd.	Ladang Winsor, Batu 7, Jln. Batu Kurau Ulu Sepetang, Taiping, Perak. 05-8836312	11/09/2009
	RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Bhd.	Tapak Semaian Gunung Tunggal, Changkat Kruing, Manjung, Perak. 05-6751866	31/03/2010
	Risda Semaian dan Landskap Sdn. Bhd.	Tapak Semaian Risda, Ladang Getah Changkat Sulaiman, 35600 Sungkai, Perak 05-4410037	13/07/2010
	United Plantation Bhd.	Ladang Jenderata, Teluk Intan. 05-6411411	13/07/2010
Ziran Trading Sdn. Bhd.	Lot 9703 & 10558, Mukim Batang Padang Tapah, Perak. 05-6595501	31/03/2010	
Kedah	Risda Semaian dan Lanskap Sdn. Bhd.	Ladang Risda Bukit Perak, Jalan Kg. Bru 06750 Pendang, Kedah. 04-7541002	13/07/2010
Kelantan	Kesedar Perkilangan Sdn. Bhd.	RKT Paloh 4, Paloh Estet, Gua Musang, Kelantan. 09-9122627	31/03/2010
	Ladang Rakyat Lubok Bongor Sdn. Bhd.	PT. 3705, Mukim Lubok Bongor, Daerah Kuala Balah Jeli, Kelantan. 09- 9440848	23/12/2010
	Risda Semaian dan Lanskap Sdn. Bhd.	Tapak Semaian RSSB, KM 26, Jalan Kuala Krai Ketereh, Kelantan. 09-7878286	31/03/2010
	Syarikat Ladang Sg. Terah Sdn. Bhd.	PT. 1576, Mukim Renok, Gua Musang, Kelantan. 09-9127270	23/12/2010
Terengganu	Felcra Agro Industries Sdn. Bhd.	Bandar Sri Bandi, Kemaman, Terengganu. 09-8676299	31/03/2010
	Felda Technoplant Sdn. Bhd.	Tapak Semaian FTSPB Ketengah Jaya Dungun, Terengganu. 09-8201082	20/01/2011
	Risda Semaian dan Lanskap Sdn. Bhd.	Tapak Semaian RSSB T.T 2, Ambs Dungun, Terengganu. 09-8222575	20/01/2011
Pahang	Dara Lam Soon Sdn. Bhd.	Lot 1148, Mukim Bebar, Pekan, Pahang. 09-4525093	03/09/2010
	Felcra Agro Industri Sdn. Bhd.	PTL 10/015/97, Mukim Tg. Besar, Lipis, Pahang. 019-9997002	23/12/2010
	Felda Agricultural Services Sdn. Bhd.	Pusat Perkhidmatan Pertanian Tun Razak, Sg. Tekam 27000 Jerantut, Pahang. 09-4718301	13/07/2010
	Felda Technoplant Sdn. Bhd.	Tapak Semaian Felda Keratong 8 Muadzam Shah, Pahang. 09-4431300	23/12/2010
	Felda Mempaga 1	FELDA Teknoplant Sdn. Bhd. Lurah Bilut Bentong, Pahang. 09-2375309	14/06/2009
	Risda Semaian dan Landskap Sdn. Bhd.	Ladang Getah Risda Kampung Awah Temerloh, Pahang 09-2987370	14/06/2009
	Sawira Sdn. Bhd.	Ladang Sawira Utama, Muadzam Shah, Pahang. 09-4522043	31/03/2010
	Sawit Maju Enterprise	Kg. Kuala Mentiga, Pekan, Pahang. 09-5496391	31/03/2010
	TH Plantation Bhd.	Ladang Sungai Buan, Muadzam Shah, Pahang. 09-4524995	23/12/2010
	YP Plantation Holding Sdn. Bhd.	Ladang Sungai Endau, Kuala Rompin, Pahang. 09-4131282	23/12/2010
Negeri Sembilan	IOI Corporation Bhd.	IOI Research Centre, 73309 Batang Melaka Negeri Sembilan. 04-4317323	13/07/2010
	IOI Corporation Bhd.	Lot 203, Ladang Bahau, Mukim Rompin, Kuala Pilah Negeri Sembilan. 06-4541126	20/01/2011
	Kumpulan Tebung Sdn. Bhd.	Guthrie Ladang Labu, 71900 Labu Negeri Sembilan. 06-7911215	31/03/2010
	Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.	Ladang Sengkang, 71250 Pasir Panjang Negeri Sembilan. 06-6619311	13/07/2010

	Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.	Ladang Tanah Merah, Port Dickson Negeri Sembilan. 06-6673211	14/06/2009
	Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.	Ladang Siliu, 71100 Siliu, Negeri Sembilan. 06-6471233	14/06/2009
Selangor	Highlands & Lowlands Bhd.	Ladang Bukit Talang, 45000 Kuala Selangor Selangor. 03-32891180	31/03/2010
	Southern Realty (M) Sdn. Bhd.	Ladang Bukit Ijok, Lot 3, Mukim Ijok Jeram, Selangor. 03-32898921	20/01/2010
Melaka	Risda Semaian dan Landskap Sdn. Bhd.	Lot 587, Batu 19, Kesang Tua, Mukim Air Panas 77000 Jasin, Melaka. 06-5295663	03/09/2010
Johor	Asiatic Plantation (WM) Sdn. Bhd.	Asiatic Sri Gading Estate, 83009 Batu Pahat, Johor. 07-4558634	13/07/2010
	EPA Management Sdn. Bhd.	Ladang Siang, Kota Tinggi, Johor. 07-8228198	23/12/2010
	Estet Koperasi Ladang Sungai Ambat	Ladang Sg. Ambat, Mersing, Johor. 07-7911990	31/03/2010
	Felcra Agro Industri Bhd.	Tapak Semaian Sungai Sepuluh, Paloh Kluang, Johor. 07-7721545	23/12/2010
	FELDA Agricultural Services Sdn. Bhd.	Tapak Semaian Stesen Penyelidikan Ulu Belitong Kulai, Johor. 07-8977128	13/07/2010
	Felda Technoplant Sdn. Bhd.	Tapak Semaian FTPSB Lok Heng Timur Kota Tinggi, Johor. 07-8948469	23/12/2010
	Felda Technoplant Sdn. Bhd.	FTP Nitar2, 86800 Mersing, Johor. 07-7866040	23/12/2010
	Felda Technoplant Sdn. Bhd.	Tapak Semaian FTPSB Tenggara 1 Mersing, Johor. 07-7912012	23/12/2010
	Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat Bhd.	KM 23, Jalan Kluang, Sri Gading, 83000 Batu Pahat, Johor. 07-435501	23/12/2010
	Koperasi Pemodalan Melayu Negeri Johor Bhd.	PTD 1616, Mukim Kahang, Johor. 07-7800017	20/01/2011
	Pamol Plantation Sdn. Bhd.	Ladang Makmor, Mukim Nyior, Johor. 07-7725472	13/07/2010
	Pertubuhan Peladang Negeri Johor	Ladang Bukit Bujang, Segamat, Johor. 07-3323066	13/07/2010
	Risda Semaian & Landskap Sdn. Bhd.	RSSB Ladang Getah Kg. Dekijang 85009 Segamat, Johor. 07-9451245	13/07/2010
	Semaian Lima Gasing Sdn. Bhd.	Lot PT MLO 5047, PTD 5792, 9037, 5775 & 4199 Mukim Jerak, Muar, Johor. 019-6224929	14/06/2009
	Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.	GPAS Ladang Bukit Badak, Layang-layang, Johor. 07-7527206	20/01/2011
	Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.	Ladang Pekan, Lot 2584, 999, 998, 1000, 2841, Mukim Layang-Layang Johor. 07-8961370	20/01/2011
	Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.	Ladang Ulu Remis, Lot 991, Mukim Layang-Layang Kluang, Johor. 07-7527107	20/01/2011
	Sime Darby Bhd.	Ladang C.E.P. Rengam, Johor. 07-7535143	31/03/2010
	T.K Tani Enterprise	Lot 461, Mukim Tangkak, Muar, Johor. 06-5236134	14/11/2009
Sabah	Arena Nilai Sdn. Bhd.	Lot 33, 34, 69, Kg Toniting, KM 8, Jln Sapi Nangoh Beluran, Sabah. 089-672626	23/12/2010
	Borneo Samudera Sdn. Bhd.	Ladang Langkon, Kota Merudu, Sabah. 088-613144	23/12/2010
	FELDA Agricultural Services Sdn. Bhd.	Peringkat A1, Blok 01, Felda Sahabat 6, Mukim Tungku Lahad Datu, Sabah. 089-811315	14/11/2009
	Luanti Nurseri Sdn. Bhd.	CL065311284, Kg. Nalepak, 89300 Ranau Ranau, Sabah. 089-675599	23/12/2010
	Masamenang Sdn. Bhd.	CL 075395541 & CL 075200161, Bt. 17, Jln. Labuk 90009 Sandakan Sabah. 089-227732	31/03/2010
	Syarikat Cocoa Leasing	CL 20165, Bt 17 1/5, Jln Labuk, 90009 Sandakan Sabah. 089-672626	23/12/2010
	Tapak Semaian Hijaumas Sdn. Bhd.	Lot 2, Kampung Dasar Baru, Kunak, Sabah. 089-826223	14/06/2009
	Waka (Sabah) Sdn. Bhd.	CL 245319537, 18 KM Off KM 33, Jln Kunak, Lahad Datu Mukim Sabahan, Sabahan, Sabah. 089-762106	23/12/2010
Sarawak	AA Nursery Sdn. Bhd.	Bintang Lease Of Crown, No. 50347, Bintangor Sarikei, Sarawak. 084-693178	11/09/2009
	Bintulu Lumber Development Sdn. Bhd.	Lot 53, Sawai Suai, 22 KM Off 110 KM, Jalan Miri Bintulu Miri, Sarawak. 085-421155	14/06/2009
	Juara Beetuah Sdn. Bhd.	Kg. Stungkor Baru, Batu 18, Jln. Bau-Lundu, Lundu, Sarawak. 082-461757	11/09/2009
	Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Sarawak	Tapak Semaian Pakit, KM 22, Jln. Kuching Sibul, Engkelili Sri Aman, Sarawak. 082-616177	20/01/2011
	MS Bersatu Sdn. Bhd.	Lot 420, Blok 6, Menyan Land Disrict, Sibul, Sarawak. 019-820926	23/12/2010

IKLAN

MPOB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Sila tambah RM 120 jika iklan dalam bentuk salinan lembut (*soft copy*). Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Pn. Nur Hanani Mansor (Tel: 03-8769 4497) atau Cik Siti Lapisah (Tel: 03-8769 4650)
nurhanani@mpob.gov.my siti.lapisah@mpob.gov.my

Faks: 03-8925 9642

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bil.	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem & cek
41/2009	Jan – Apr 2009	30 Mac 2009
42/2009	Mei – Ogos 2009	31 Jul 2009
43/2009	Sept – Dis 2009	30 Nov 2009

Slip Tempahan

Ketua Pengarah MPOB
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
U/P: Pn Nur Hanani Mansor – Unit Pengembangan & Latihan
Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan

1. Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) di petak berkenaan:

Halaman dalam (warna) **RM 800**

Halaman belakang (warna) **RM 1000**

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Terima Kasih.

Tandatangan

Tarikh

PENGUMUMAN



Tarikh:

9-12 November 2009

Tempat:

**Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
(KLCC)**

Untuk maklumat lanjut:

rubaah@mpob.gov.my



ANJURAN

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA


KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA

www.mpob.gov.my

Iklan
CCM (Baja MPOB F1 & F2)

*filem disediakan

SYOR-SYOR PENGGUNAAN UNTUK KELAPA SAWIT (kg / pokok)



Bantuan Teknikal

Ibu Pejabat Tel : 03-5163 2201 Fax : 03-5543 2988

Tan Lea Joon : 019-269 8858

Lee Kien Yap : 019-265 5680

Bahagian Pemasaran & Jualan

Ibu Pejabat Tel: 03-5163 2288 Fax: 03-5543 2988

Neo Yuan Hui : 019-382 8812

Muhamad Akramin Yusof : 019-352 8956

Perlis / Kedah / Pulau Pinang
Tel/Fax: 04-508 1686

Loh Fook Seng

: 019-480 8543

Kota Kinabalu, Sabah

Tel: 088-214 192 / 088-239 053

Fax: 088-239 051

Perak Tel / Fax: 05-545 9112

Goh Yong Kong

: 019-472 4098

Melaka / Johor Utara Tel/ Fax: 06-288 1654

Johor Selatan / Johor Tengah

Tel: 03-5163 2233 Fax: 03-5543 2988

Lau Kean Hong

: 019-286 1642

Chin Kok Fuk

: 019-759 4912

Pahang / N.Sembilan Tel / Fax: 09-277 8128

Siow Ket Choong

: 019-286 1640

Terengganu / Kelantan

Tel: 03-5163 2230 Fax: 03-5543 2988

Abd Rahim Othman: 019-387 5652

Kuching, Sarawak Tel/Fax: 082-482 033

Sebastian Chong : 019-859 8269

Tiong Chin Tung : 019-885 8203

Austin Peter Diman : 019-861 1828

Lee Wey Gwo : 012-803 5338

Loh Ming Kiong : 019-861 7723

Yee Choi Kwan : 019-480 0390



Enhancing Quality Of Life

CCM FERTILIZERS DIVISION

Lot. P.T. 200, Persiaran Selangor, 40000 Shah Alam, P.O.Box 7425, 40714 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Tel: 03-5163 2288 Fax: 03-5543 2988 www.ccm.com.my

CCM Fertilizers Sdn Bhd (11831-W) & CCM Agriculture Sdn Bhd (452754-A)



INI IALAH IKLAN RACUN MAKHLUK PEROSAK

Kawalan rumpai yang berkesan



Bahan aktif untuk
AMMO 120 dan AMMO SUPRE
ialah
glyphosate monoammonium,
kedua-duanya merupakan
racun perosak kelas IV.



BACA LABEL KELUARAN SEBELUM MENGGUNAKANNYA.



Untuk sebarang maklumat lanjut sila hubungi:

ANCOM CROP CARE SDN. BHD. (148170-X)

Lot 5, Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel.: 603-55194022 Faks: 603-55103888 E-mel: sales@ancomcropcare.com.my

JIRP.P/0206/074